

21 FEB 1998

Kabinet-Y2K

KABINET ARAH KEMENTERIAN AWASI PERSEDIAAAN SYARIKAT HADAPI "Y2K"

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah diarahkan oleh jemaah menteri untuk mengawasi persediaan syarikat dan industri negara ini dalam menghadapi masalah "Y2K" atau "Millenium Bug", kata menterinya Datuk Leo Moggie, hari ini.

"Didalam mesyuarat mingguan kabinet Rabu lepas, jemaah menteri telah meminta kementerian mengawasi kedudukan sebenar persediaan syarikat dan industri negara dalam menghadapi masalah "Y2K" itu," katanya.

Kementeriannya, kata beliau akan menentukan kedudukan sebenar persediaan syarikat dan industri negara dalam menghadapi masalah itu serta tindakan yang akan diambil bagi mengatasinya.

"Millenium Bug" atau "Y2K" adalah masalah perisian tahun 2000, yang merujuk kepada ketidakmampuan kebanyakan sistem komputer untuk membaca data dengan betul dalam alaf baru.

Penubuhan sebuah jawatankuasa berlainan juga adalah tidak memadai memandangkan jawatankuasa yang sama telah ditubuhkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) baru-baru ini, katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan kongsi raya di kementeriannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat keenam NITC bulan lepas menyatakan kebimbangannya berhubung kekurangan usaha serius oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana negara dalam menangani masalah "Millenium Bug".

"Kita mempunyai dua tahun lagi... dan jika mereka tidak (mengambil langkah sewajarnya), sudah pasti mereka akan menghadapi masalah yang sangat serius," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Datuk Moggie berkata, Akta Penyatuan Multimedia sedang di dalam peringkat akhir kajian dan berkemungkinan besar akan dibentangkan di Parlimen bulan depan.

Akta itu akan menyatukan fungsi-fungsi multimedia, komputer dan penyiaran negara ke dalam industri telekomunikasi, katanya dan menambah bahawa setakat ini hanya Malaysia mempunyai akta sedemikian.

Sehingga kini, empat undang-undang siber -- Akta Jenayah Komputer, Akta Tandatangan Digital, Akta Teleperubatan dan Akta Hakcipta (Pindaan) telah diluluskan oleh Parlimen awal tahun bagi menyediakan rangka kerja perundangan bagi pengaplikasian teknologi maklumat di Koridor Raya Multimedia. -- BERNAMA

MHI WAT